

Kilang EV PROTON di Tanjung Malim erat kerjasama KL-Beijing

Kemudahan serba moden pacu industri automotif ke arah teknologi hijau, lestari

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Tanjung Malim: Pelancaran kilang kereta elektrik (EV) PROTON pertama di Malaysia menjadi titik tolak baharu dalam usaha memperkukuh hubungan erat Malaysia-China serta melonjakkan industri automotif negara ke arah teknologi hijau dan lestari.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata inisiatif itu adalah hasil daripada kerjasama strategik berterusan dengan kerajaan China, yang bukan sahaja memberi sokongan pelaburan besar tetapi juga pemindahan teknologi menerusi rakan kongsi PROTON, Geely.

"PROTON memiliki pengalaman lama dengan syarikat antarabangsa, dan kini dengan sokongan besar daripada Geely, kita berjaya mengorak langkah lebih jauh. Kerjasama ini termasuk pemindahan teknologi dan pembentukan pusat kecemerlangan untuk melatih anak-anak kita," katanya ketika merasmikan kemudahan baharu Proton Holdings Bhd (PROTON) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pengangkutan (MOT), Anthony Loke Siew Fook; Menteri

Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Chang Lih Kang; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; dan Pengerusi PROTON, Tan Sri Syed Faisal Albar.

Kilang pengeluaran EV terbaharu PROTON dianggarkan berkeluasan lebih 2.2 hektar dengan kos pembinaan mencecah hampir RM80 juta mengikut fasa dan kapasiti ribuan unit kenderaan setahun.

Kilang itu juga mengeluarkan EV pertama Proton iaitu e.MAS 7 dan dijangka mengeluarkan model kedua iaitu e.MAS 5.

Anwar berkata, pembangunan kilang EV PROTON itu menyokong dasar transisi tenaga negara serta membolehkan jenama kereta nasional itu beralih daripada hanya sekadar pemasangan kenderaan kepada pengeluaran penuh model EV berteknologi tinggi.

"Pelancaran kilang ini memenuhi keutamaan Dasar Automotif Negara 2020 (NAP2020), bukan sahaja dari segi peralihan tenaga, tetapi juga dalam konteks pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang menekankan industri berteknologi tinggi, mobiliti pintar dan kelestarian," katanya.

Beliau berkata, kerjasama erat dengan kerajaan China dan Geely membolehkan PROTON bersaing di pentas global, selain membuka peluang pasaran baharu.

"Komitmen rakan kita di China, termasuk Presiden, Xi Jinping dan Perdana Menteri, Li Qiang, membuktikan kesediaan mereka untuk menjadikan EV sebagai agenda bersama. PROTON kini berpeluang menembusi pasaran Mesir, Afrika Selatan dan Amerika Latin," katanya.



Anwar diiringi Saarani (lima dari kanan), Tengku Zafrul (dua dari kanan), Anthony Loke (empat dari kiri) dan Syed Faisal (kanan) pada majlis pelepasan misi 5 Tour ketika peluncuran Kilang Kenderaan Elektrik Proton di PROTON Tanjung Malim, semalam.

(Foto BERNAMA)

Kereta EV mampu dimiliki

Perdana Menteri menegaskan, PROTON perlu memastikan produk EV yang dihasilkan mampu dimiliki rakyat pada harga berpatutan, dengan kos penyelenggaraan rendah serta jarak perjalanan yang lebih panjang. "Produk ini akan memenuhi keperluan rakyat berpendapatan sederhana. Dengan sokongan rantaian bekalan tempatan, kos dapat dikurangkan, manakala peluang pekerjaan dapat ditingkatkan," kata Anwar.

Selain pengeluaran kenderaan, projek itu juga memberi tumpuan kepada pembangunan ekosistem lebih luas, termasuk vendor, pembekal tempatan dan hab pendidikan.

"Kita mahu kilang ini bukan sekadar pusat pengeluaran, tetapi menjadi pusat pendidikan dan latihan. PROTON dengan kerjasama Geely akan melahirkan jurutera dan profesional automotif yang mampu bersaing di peringkat global," katanya.

Anwar turut menegaskan, pembangunan industri perlu seimbang dengan kebajikan rakyat, termasuk penyediaan kemudahan pendidikan, kesihatan dan sosial di kawasan sekitar Tanjung Malim.

Katanya, kerajaan negeri dan kementerian berkaitan sudah diarahkan memastikan manfaat pembangunan ini dirasai sepenuhnya oleh masyarakat setempat, khususnya golongan muda.

"Saya difahamkan, anak-anak Malaysia berpeluang mengikuti latihan teknologi EV di China. Ini kejayaan yang membanggakan kerana memberi pendedahan global kepada tenaga kerja kita," katanya.

Beliau menekankan, PROTON mesti bersedia melengkapkan projek ini sepenuhnya menjelang Sidang Kemuncak ASEAN pada Oktober, agar Malaysia dapat memperlihatkan pencapaian ini di pentas antarabangsa.

"Apa yang kita capai hari ini adalah hasil disiplin, bakat dan dedikasi semua pekerja PROTON. Saya berbangga kerana kilang EV ini menjadi mercu tanda baharu automotif negara, selaras dengan NIMP 2030," katanya.